

Ada pihak cuba bentuk imej 'Marcos' di negara ini - PM

Oleh Razak Rashid Ghows

KOTA KINABALU 7 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan cubaan pihak - pihak tertentu membentuk imej 'Marcos' di negara ini dengan tujuan untuk menjatuhkan kerajaan yang memerintah melalui kuasa rakyat seperti yang berlaku di Filipina.

Perdana Menteri berkata pihak berkenaan menjalakan kegiatan mereka dengan memburuk - burukkan pemimpin kerajaan dan menyebarkan risalah - risalah yang tidak berasas.

"Tujuan mereka adalah untuk mengurangkan sokongan rakyat kepada Barisan Nasional tetapi saya yakin usaha tersebut tidak akan berjaya," tegas beliau ketika berucap merasmikan pembukaan terminal baru Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu petang ini.

Namun demikian, Perdana Menteri berkata beliau khuatir keharmonian yang wujud selama ini akan terjejas sekiranya ada yang terpengaruh dengan dakyah - dakyah tersebut.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa sikap irihati ini yang menyebabkan pihak - pihak tertentu sanggup memburuk - burukkan pemimpin dengan tuduhan tidak berasas mungkin akan membangkitkan perasaan dan emosi lebih - lebih lagi dalam sebuah negara yang mempunyai pelbagai keturunan.

Katanya, kegiatan seperti itu akan membawa kepada gerakan - gerakan yang tidak baik.

"Kalau kita renung balik sejarah, kita akan lihat apa yang telah berlaku dalam tahun 1969 apabila perasaan di antara kaum telah diapi-apikan," ujar beliau.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa negara ini tidak akan menjadi seperti Filipina kerana kerajaan yang memerintah sejak merdeka telah membawa pembangunan dan kemajuan yang pesat kepada rakyat.

"Mereka boleh bentuk satu Marcos, tapi negara ini bukan Filipina. Negara ini telah mencapai kemajuan dan pembangunan yang pesat dan tidak ada siapa yang boleh nafikan," ujar beliau.

Dalam pada itu kata Perdana Menteri ada pula pihak - pihak yang menyatakan kononnya kerajaan hanya banyak mengeluarkan peruntukan di kawasan luar bandar kerana di luar bandar ramai penduduk bumiputera.

"Orang - orang yang membuat tuduhan itu tidak harus lupa bahawa Pulau Pinang juga bukan kawasan luar bandar dan kerajaan telah mengeluarkan

1986
\$1 ribu juta untuk membina jambatan. Begitu juga di tempat - tempat lain," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Perdana Menteri menambah, walaupun kestabilan negara yang dicapai selama ini dihargai oleh kebanyakan rakyat, ada segelintir kecil yang irihati kerana mahukan kuasa.

Katanya, mereka sanggup melihat kekuatan kerajaan dikurangkan walaupun ia akan mewujudkan ketidakstabilan.

"Pada masa tersebut walaupun Barisan Nasional masih memerintah tetapi dengan majoriti yang kecil ia akan menjadi takut-takut sekiranya ada anggota kerajaan yang akan masuk parti lawan," kata Perdana Menteri.

Dengan itu tegas beliau, adalah penting kerajaan diberi sokongan yang besar oleh rakyat bagi membolehkannya mentadbir negara dengan stabil dan kukuh.

Katanya: "Di mana terdapat kerajaan yang mempunyai majoriti marginal, negara itu tidak stabil."

"Sebaliknya yang dapat 2/3 majoriti bukan saja stabil tapi cemerlang dalam ekonomi dan sosial."

Perdana Menteri menarik perhatian bahawa apabila negara ini merdeka dulu, kerajaan - kerajaan

yang ditubuh pada masa itu adalah kuat dan disokong besar dengan majoriti 2/3.

Dalam keadaan tersebut, kata beliau kekuatan kerajaan tidak akan terjejas walaupun ada anggota kerajaan yang menyebarkan ke pembangkang.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau menghargai peranan PBS dan keyakinan yang diberikan kepadanya dalam pilihanraya umum yang lalu.

Perdana Menteri juga bangga kerana parti - parti di Sabah bersetuju menyertai Barisan Nasional yang bermakna mereka sanggup bekerjasama dan menyelesaikan masalah secara bersama.

Dalam ucapannya Perdana Menteri juga menyentuh mengenai teguran pihak - pihak tertentu berhubung dengan kerugian yang dialami oleh syarikat - syarikat kepunyaan kerajaan dan gesaan mereka supaya syarikat - syarikat itu ditutup.

Katanya, kerajaan terpaksa mengambil langkah menubuhkan syarikat - syarikat berkenaan untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi di antara bumiputera dengan bukan bumiputera dan mengurangkan penyertaan orang asing.

Menurut beliau, tindakan "socio-engineering" ini terpaksa dibuat oleh kerajaan walaupun ia harus menghadapi berbagai

keadaan yang tidak dikehendaki seperti kecurangan.

"Saya akui banyak syarikat yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk membantu bumiputera telah gagal dan banyak pula perkara curang berlaku.

"Tapi kalau kita tak tubuh syarikat - syarikat ini sudah tentu ekuiti bumiputera dalam ekonomi tak akan capai 18 hingga 21 peratus sekarang," katanya.

Beliau juga berkata syarikat - syarikat itu kini menampung kira-kira 200,000 orang pekerja.

Sekiranya syarikat - syarikat itu ditutup di mana pula kesemua 200,000 orang pekerja tadi harus pergi, ujarnya.

"Orang boleh kritik dalam forum dan seminar tapi kalau kesemua 200,000 pekerja ini menganggur, di mana akan mereka pergi. Ke rumah pengkritik tadi atau ke mana?," tanya Perdana Menteri.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata orang - orang yang pandai mengkritik itu sebenarnya bukan bercakap dengan menggunakan fikiran tetapi semata-mata kerana ingin mengkritik dan memburukkan kerajaan.

Turut hadir di upacara perasmian lapangan terbang itu ialah Ketua Menteri Sabah, Datuk Joseph Pairin Kitingan, Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ling Liong Sik dan timbalannya, Hajah Rahmah Osman.